

Faktor Penontonan Drama Korea dalam Kalangan Belia di Malaysia

Nur Zulaikha Hamzah

Mohd Syuhaidi Abu Bakar*

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Emel perhubungan: syuhaidi@uitm.edu.my

Abstrak

Rakyat Malaysia pada hari ini dilihat lebih menyukai drama Korea berbanding drama tempatan. Fenomena yang berlaku ini dikatakan kerana drama Korea berjaya menarik perhatian dan memikat hati penonton terutama golongan belia di Malaysia melalui kehebatan jalan cerita yang menunjukkan plot-plot dan adegan-adegan yang menarik di samping menonjolkan kebudayaan Korea. Hal ini telah menyebabkan golongan belia di Malaysia dilihat lebih mengangkat drama-drama Korea berbanding drama tempatan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia. Objektif bagi kajian ini adalah untuk meneroka jika skrip dan pemilihan pelakon merupakan faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan telah menemu bual 10 orang Informan untuk mengumpul data kajian. Informan yang ditemu bual terdiri daripada golongan belia yang suka menonton drama Korea. Dapatkan kajian mendapati bahawa faktor skrip dan pemilihan pelakon adalah faktor utama belia Malaysia menonton drama Korea. Skrip yang mengandungi jalan cerita yang menarik dan tidak cliché, mempunyai kepelbagaiannya genre, membincangkan isu sebenar tentang realiti kehidupan, dan pelakon yang mempunyai rupa, berpengalaman dan berbakat serta berjaya dalam pembawaan sesebuah watak menyebabkan belia Malaysia menonton drama Korea. Namun begitu, terdapat juga faktor-faktor lain yang menyebabkan belia di Malaysia menonton drama Korea. Antara faktor-faktor lain tersebut adalah lagu Original soundtrack (OST), budaya yang ditunjukkan, ilmu pengetahuan yang dapat diperolehi dan pemandangan dalam drama yang memukau mata penonton. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa terdapat banyak faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia.

Kata Kunci: Drama Korea, Belia, Skrip, Pemilihan Pelakon, Kaedah Kualitatif

Factors Influencing Korean Drama Viewership Among Malaysian Youth

Abstract

Malaysians today seem to like Korean drama more than local dramas. It is said that this phenomenon is because Korean dramas managed to attract the attention and captivate the audience, especially the youth in Malaysia, through the greatness of the storyline that shows interesting plots and scenes in addition to highlighting Korean culture. This has led to the youth in Malaysia to be seen more uplifting Korean dramas than local ones. Therefore, this study was conducted to see the factors of watching Korean dramas among youth in Malaysia. The aim of this study is to explore whether the script and the choice of actors are factors for watching Korean dramas among youth in Malaysia. This study uses a qualitative approach and interviews 10 informants to collect the research data. The informants interviewed were local youth who likes to watch Korean dramas. The results of the study showed that the scripting factor and the selection of actors are the main factors of Malaysian youth watching Korean dramas. Scripts that contain interesting and non-cliché storylines, have a variety of genres, discuss real issues about the reality of life, and actors who have looks, are experienced and talented and succeeded in portraying a character causes Malaysian youth to watch Korean dramas. But there are other factors that push youth in Malaysia to watch Korean dramas. Other factors include the Original soundtrack (OST) songs, the culture shown, the knowledge that can be gained and the sceneries in the drama that amaze the audience. Therefore, one can conclude that there are many factors for watching Korean dramas among youth in Malaysia.

Keywords: Korean Drama, Youth, Script, Actor Selection, Qualitative Method

Pengenalan dan Permasalahan Kajian

Trend penontonan drama di Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan bahawa drama-drama tempatan kurang mendapat sambutan (Amree Ahmad, 2021). Ditambah dengan kehadiran platform penstriman drama seperti Netflix dan Viu yang memudahkan drama-drama luar mudah diakses, pihak stesen televisyen tempatan seperti Astro dan TV3 juga turut mempunyai slot yang menayangkan drama-drama tersebut (Siti Nurlisia Nadzri, 2021). Penayangan drama dari luar negara telah menyebabkan peminat beralih arah kepada drama luar dan seterusnya menyebabkan drama tempatan tidak dipandang oleh majoriti masyarakat tempatan. Justeru itu, drama

Korea adalah antara drama yang mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia terutamanya golongan belia.

Gelombang Korea atau lebih dikenali dengan Hallyu Wave adalah istilah yang diberikan untuk penyebaran budaya popular Korea iaitu Kpop dan Kdrama. Drama Korea pada masa kini banyak ditonton dikalangan anak-anak muda di Malaysia. Hal ini kerana, belia boleh mengakses mana-mana drama bersiri Korea dengan mudah kerana kemajuan teknologi yang ada pada hari ini. Ditambah dengan keadaan ketika negara berhadapan dengan pandemik COVID-19 di mana ramai golongan belia yang duduk di rumah kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), menonton drama Korea menjadi pilihan utama golongan belia bagi menghilangkan kebosanan.

Belia adalah kelompok masyarakat yang dilihat banyak menghabiskan masa untuk hiburan. Md Azalanshah Md Syed (2019) menjelaskan bahawa Kpop dan Kdrama amat popular dalam kalangan generasi muda kerana capaiannya yang luas menerusi media sosial seperti YouTube, Facebook dan Twitter. Selain itu, media sosial pengantaraan seperti WhatsApp dan Telegram juga popular dalam kalangan belia. Nurul Akqmie Badrul Hisham (2019) menjelaskan, menurut kenyataan dari Korean Culture and Information Service, majoriti peminat gelombang Korea dari serata dunia berasal dari golongan remaja terutamanya dari golongan berumur 20-an. Jelaslah bahawa gelombang Korea seperti Kpop dan Kdrama banyak dinikmati golongan belia terutamanya di Malaysia.

Kajian ini memfokuskan tentang drama Korea dan belia di Malaysia kerana golongan belia Malaysia dikatakan sebagai golongan yang lebih mengangkat drama Korea dan kurang menyokong drama tempatan. Menurut Nur Izzah Jamil dan Yoke (2022), masyarakat belia di Malaysia dilihat lebih banyak memilih drama Korea sebagai pilihan utama berbanding drama-drama lain lebih-lebih lagi drama tempatan. Tambahnya lagi, golongan belia di Malaysia hari ini dilihat lebih menyokong drama Korea sebagai sumber hiburan berbanding drama yang dihasilkan karyawan-karyawan tempatan.

Lee (2022) menyatakan drama Korea menjadi kegiatan peminat dalam kalangan belia zaman sekarang adalah disebabkan genre yang pelbagai, jalan cerita yang menarik dan bilangan episod yang tidak terlalu banyak. Pelakon merupakan salah satu daya tarikan untuk penonton terutama golongan belia (Danisyah Dalily, 2021). Mengikut pemerhatian, aplikasi penstriman seperti Netflix telah menyediakan

perkhidmatan sarkata. Oleh itu, penonton dapat memahami skrip yang digunakan dalam kandungan kreatif dari Korea. Selain itu, rata-rata pelakon yang dipaparkan dalam filem dan drama Korea memiliki rupa paras yang tersendiri. Dengan itu kajian ini ingin meneroka jika skrip dan pemilihan pelakon merupakan faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia.

Tinjauan Literatur

a. Fenomena Drama Korea dalam Kalangan Belia di Malaysia

Mengenai permulaan drama Korea di Malaysia, Kim dan Ryoo (2007) menyatakan bahawa drama Korea mula bertapak di Malaysia bermula pada awal tahun 2000 menerusi drama Winter Sonata (2002). Sejak itu, masyarakat Malaysia mula menerima drama Korea. Kini, Malaysia adalah salah satu negara yang sedang dilanda demam drama Korea. Sama seperti negara-negara lain, penyebaran gelombang tersebut ke Malaysia telah dipacu oleh penggunaan platform media sosial. Sella Ayu Pertiwi (2013) menyatakan bahawa penyebaran Kdrama ke dunia antarabangsa telah dibantu dengan kewujudan media sosial yang sering diguna oleh golongan belia seperti Instagram, Facebook, Twitter, YouTube, dan sebagainya. Bukan itu sahaja, pihak televisyen seperti TV3 dan Astro juga mempunyai slot dan saluran yang menayangkan pelbagai rancangan dan drama Korea. Bukti lain bahawa Kdrama semakin diterima ramai dapat dilihat apabila Millah Minyun Gaza (2019) menyatakan bahawa ramai pencipta content bersaing menyiaran maklumat tentang industri hiburan Korea khususnya drama Korea.

b. Skrip Sebagai Faktor Belia Malaysia Menonton Drama Korea

Skrip adalah teks-teks yang mengandungi plot dan jalan cerita. Skrip merupakan unsur penting dalam drama kerana berfungsi untuk menguruskan binaan pergerakan watak melalui konsep 3 Act Structure iaitu bahagian permulaan, pertengahan dan pengakhiran, menurut Syd Field (1990). Di dalam penulisan skrip, jalan cerita merupakan faktor penting kerana menjadi penggerak utama dalam sesebuah drama. Melalui jalan cerita, dapat ditentukan drama bergenre jenis apa yang akan dihasilkan. Kebiasaannya, drama-drama Korea tidak terhad kepada satu genre sahaja. Malah, terdapat pelbagai genre yang menarik untuk ditonton (Burhan Nuryantoro, 2004). Selain dari itu, plot-plot yang tersusun dalam sesuatu adegan juga menjadikan sesebuah drama itu

menarik. Hal ini menjadi sebab utama drama Korea popular di kalangan belia Malaysia.

Drama Korea terkenal dengan skrip yang lain daripada kebiasaan. Setiap drama yang ditulis menyampaikan isu dan genre yang berbeza. Kepelbagaiannya genre, topik dan isu yang dibincangkan dalam drama menjadi sebab utama drama Korea mendapat tempat di hati peminat drama di Malaysia khususnya golongan belia. Hal ini disokong oleh Lee (2022) yang menyatakan drama Korea menjadi kegilaan peminat dalam kalangan belia zaman sekarang adalah disebabkan genre yang bervariasi, jalan cerita yang menarik untuk diikuti dan bilangan episod yang tidak terlalu banyak. Rizki Briandana (2013) menyatakan golongan belia terutamanya pelajar universiti lebih suka menonton drama Korea berbanding drama bersiri tempatan kerana naratif yang menarik yang disediakan dengan kisah cinta yang epik, jalan cerita yang berorientasikan keluarga dan konflik yang menarik.

c. Pemilihan Pelakon Sebagai Faktor Belia Malaysia Menonton Drama Korea

Pelakon adalah salah satu perkara utama dalam sesebuah drama. Menurut Nizila Asin (2007), pelakon merupakan seseorang yang melakukan sesuatu aksi di atas pentas atau sebuah ruang dan ditonton oleh individu lain iaitu penonton. Pemilihan pelakon yang tepat untuk sesebuah drama memainkan peranan yang penting kerana pelakon yang betul dan sesuai dengan jalan cerita sesebuah drama dapat menarik minat penonton seterusnya menyumbang kepada populariti drama. Industri hiburan Korea amat mementingkan pemilihan pelakon yang tepat dalam drama yang ingin dihasilkan kerana pelakon merupakan salah satu daya tarikan untuk penonton terutama golongan belia (Danisyah Dalily, 2021).

Seseorang pelakon itu dipilih berdasarkan beberapa aspek. Antara salah satu aspek penting seorang pelakon itu dipilih adalah berdasarkan mutu atau kualiti lakonan (Latiffah et al, 2009). Hal demikian menjadi sebab belia di Malaysia menonton drama Korea. Kualiti lakonan yang ditunjukkan oleh seseorang pelakon mampu membuatkan penonton merasai ketegangan atau emosi yang disampaikan. Rizki Briandana (2013) menjelaskan terdapat sebuah drama Korea yang membawa mesej untuk tidak berputus asa dalam mengejar impian dan drama tersebut berjaya membuat penonton tersentuh, mendapat inspirasi dan berusaha untuk memperjuangkan impian mereka apabila menonton lakonan pelakon dalam sesebuah drama. Hal ini jelas membuktikan lakonan yang berkesan yang dilakukan oleh pelakon yang hebat telah

berjaya mempengaruhi golongan belia di Malaysia untuk menonton Kdrama.

Kaedah Kajian

Kaedah yang telah digunakan untuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan telah menggunakan kaedah temu bual dalam proses pengumpulan data. Seramai 10 orang informan yang terdiri dari kalangan belia berumur antara 22 sehingga 35 tahun telah ditemu bual untuk meneroka skrip dan pemilihan pelakon menjadi faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia. Had umur 30 tahun bagi belia di Malaysia akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026. Had umur belia sekarang ini ialah 40 tahun (BERNAMA, 2023).

Setiap data yang diperolehi hasil temubual telah dianalisa untuk mendapatkan jawapan yang mempunyai kepelbagaiannya perspektif. Kamarul Azmi Jasmi (2012) menyatakan bahawa salah satu cara dalam proses mendapatkan data adalah dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan tersebut memerlukan pengumpulan data menerusi kerja lapangan.

Selain itu, menurut Azizah Hamzah (2004), kaedah kualitatif adalah sebuah kajian penyelidikan yang sangat mementingkan perolehan data yang tersendiri dan mempunyai keterangan tentang sifat atau pandangan tentang apa-apa sahaja topik atau isu yang berbeza dengan pendekatan kuantitatif. Creswell (1998) dalam penulisannya telah mengesyorkan seramai 10 informan sahaja yang diperlukan untuk sesuatu kajian yang berbentuk temubual dan akan dihentikan setelah data mencapai tahap ketepuan. Proses ketepuan berlaku apabila temubual bersama informan memberikan maklumat dan pandangan yang sama. Dalam erti kata lain, ketepuan data boleh dijelaskan sebagai informan terakhir telah mengulangi maklumat yang sama yang diberikan oleh informan yang sebelumnya.

Dapatan Kajian

- a. Faktor Penontonan Drama Korea dalam Kalangan Belia di Malaysia: Skrip

Jalan Cerita yang Menarik dan Tidak Cliché

Menurut Informan 3, drama Korea mempunyai skrip yang mengandungi jalan cerita yang menarik dan tidak cliché untuk ditonton. Berbeza

dengan drama tempatan yang mempunyai jalan cerita yang sama, drama Korea menyajikan jalan cerita yang unik dan unpredictable terutama untuk drama bergenre thriller.

Informan 4 dan Informan 5 juga menyatakan bahawa jalan cerita drama Korea yang tidak cliché membuatkan mereka tertarik untuk menonton drama Korea berbanding drama tempatan. Ujar kedua-dua informan tersebut, semua drama Korea mempunyai kelainan dari sudut penceritaan walaupun bergenre sama. Sebagai contoh, Informan 4 menjelaskan setiap drama Korea yang bergenre romantik akan mempunyai jalan cerita dan konflik yang berbeza walaupun drama-drama tersebut bergenre sama.

Hal tersebut disokong oleh Informan 5 yang menjelaskan bahawa kepelbagaian konflik yang terdapat dalam sesebuah drama Korea walaupun bergenre sama menunjukkan jalan cerita drama Korea yang berbeza dibandingkan dengan drama-drama lain. Secara tidak langsung, jalan cerita yang menarik dan tidak cliché menyebabkan penonton tidak bosan dan terus setia untuk menonton sesebuah drama Korea. Ini akan terus memotivasi penonton dalam kalangan belia. Ini juga bertepatan dengan kajian daripada Nurul Akqmie Badrul Hisham (2019) yang mengatakan bahawa gelombang Korea seperti Kpop dan Kdrama banyak dinikmati golongan belia terutamanya di Malaysia.

Kepelbagaian Genre

Informan 2 menjelaskan kepelbagaian genre drama yang dihasilkan menjadi penarik untuk belia Malaysia menonton drama Korea. Menurutnya, drama Korea tidak hanya terbatas kepada satu genre sahaja, berbeza dengan drama tempatan yang kerap kali menghasilkan drama yang bergenre romantik dengan kisah cinta yang membosankan dan jalan cerita yang mudah di agak. Informan 4 juga menjelaskan drama-drama Korea menjadi pilihan belia Malaysia kerana menyediakan pilihan kepada penonton ditambah dengan skrip yang berfakta dan berkualiti. Menurut Informan 10 pula, kepelbagaian genre menjadi penarik untuk belia Malaysia menonton drama Korea kerana skrip drama Korea untuk sesebuah genre itu sudah pasti akan dihasilkan dengan penuh teliti.

Isu Sebenar dalam Realiti Kehidupan

Informan 5 menjelaskan bahawa salah satu kekuatan skrip drama Korea adalah isu yang dimasukkan dalam drama. Drama Korea sentiasa

membawa isu seperti isu sosial dan politik yang berlaku di Korea. Hal tersebut membantu penonton luar negara untuk memahami keadaan di negara berkenaan. Menurut Informan 5 lagi, melalui drama Korea, beliau dapat mengetahui bahawa di negara seperti Korea Selatan yang boleh dikategorikan sebagai negara maju, tapi masih terdapat masalah rasuah yang berlaku.

Bukan itu sahaja, isu buli dan double standard yang kerap ditunjukkan dalam drama juga merupakan antara realiti kehidupan di Korea Selatan. Kenyataan itu turut disokong oleh Informan 8 dan Informan 9 yang menyatakan isu sebenar yang dibawa dalam drama menyebabkan penonton dapat melihat realiti kehidupan sebenar di Korea melalui sesebuah watak dalam drama. Sebagai contoh, kehidupan dan cabaran yang dilalui seorang doktor. Penonton dapat melihat bagaimana seorang doktor menjalani kehidupan sehari-hari.

Hal ini berbeza dengan drama tempatan yang sangat kurang menunjukkan kehidupan sesebuah watak seperti doktor, peguam, ahli perniagaan dan lain-lain kerana terlalu fokus dengan konflik atau kisah cinta. Kesannya, penonton kurang terdedah dengan realiti dan isu sesebuah pekerjaan di Malaysia.

b. Faktor Penontonan Drama Korea dalam Kalangan Belia di Malaysia: Pemilihan Pelakon

Pelakon yang Mempunyai Paras Rupa

Lumrah manusia pastinya suka akan perkara-perkara yang indah dan menyenangkan pandangan. Kenyataan tersebut disokong oleh Informan 1, Informan 3, Informan 7 dan Informan 8 yang mementingkan rupa paras seorang pelakon dalam sesebuah drama. Keempat-empat informan tersebut sepakat menyatakan bahawa salah satu faktor utama penontonan drama Korea adalah kerana rupa paras pelakon yang cantik dan kacak.

Menurut Informan 1 dan Informan 3, beauty standard yang ketat di Korea menyebabkan hampir keseluruhan pelakon-pelakon Korea mementingkan penampilan dan paras rupa agar mudah mendapat tawaran lakonan dan disenangi oleh peminat. Informan 7 dan Informan 8 menjelaskan bahawa rupa paras membuatkan seseorang pelakon itu mempunyai karisma yang tersendiri yang dapat menarik minat penonton untuk menonton drama Korea.

Korea Selatan adalah antara negara yang mementingkan kecantikan wajah bukan sahaja di sektor industri hiburan mereka tetapi juga di semua sektor sehingga hampir kesemua rakyat mereka menjaga penampilan. Budaya tersebut menyebabkan lambakan kehadiran pelakon yang berwajah cantik dan kacak sehingga mampu menjadi penarik utama untuk seseorang menonton drama Korea. Tuntasnya, paras rupa yang kacak dan cantik seseorang pelakon memainkan peranan penting dalam mempengaruhi golongan belia di Malaysia untuk menonton drama-drama Korea. Ini bertepatan dengan dapatan yang mengatakan pelakon merupakan salah satu daya tarikan untuk penonton terutama golongan belia (Danisyah Dalily, 2021).

Pelakon yang Berpengalaman dan Berbakat

Selain rupa paras, pelakon yang berpengalaman dan berbakat juga memainkan peranan yang menjadi faktor belia Malaysia menonton drama Korea. Informan 5 menyatakan bahawa cara lakonan pelakon yang berpengalaman yang berbeza dengan pelakon baharu menyebabkan ramai belia menonton drama Korea. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pelakon yang berpengalaman mempunyai tarikan yang tersendiri dan bijak dalam menyampaikan sesebuah emosi kepada penonton.

Informan 8 dan Informan 9 turut menyokong kenyataan tersebut selain menambah bahawa industri hiburan Korea yang mementingkan pelakon yang berbakat berjaya menarik minat belia di Malaysia untuk menonton drama-drama Korea. Dalam kenyataan yang dikeluarkan kedua-dua informan tersebut, individu yang ingin menjadi pelakon di Korea bukan sahaja perlu mempunyai bakat, malahan juga diwajibkan untuk menjalani latihan industri selama berbulan-bulan.

Situasi ini berbeza dengan dunia hiburan drama di Malaysia. Pelakon-pelakon diambil berlakon oleh produksi hari ini adalah individu yang memiliki rupa paras dan bilangan pengikut yang banyak di media sosial tanpa mengambilkira bakat dan kebolehan untuk berlakon. Kesannya, lakonan yang teruk dan kaku di dalam drama menyebabkan drama tempatan tidak dipandang oleh generasi belia sekarang. Maka, tidak hairan untuk belia di Malaysia memilih untuk menonton drama-drama Korea atas dasar pelakon Korea yang bukan sekadar berwajah kacak tetapi juga berbakat dalam lakonan.

Pembawaan Sesebuah Watak

Informan 3 memberi pandangan bahawa pembawaan sesebuah watak yang dapat menyentuh penonton menyebabkan ramai belia di Malaysia tertarik untuk menonton drama Korea. Kenyataan itu turut diberikan oleh Informan 7 yang menjelaskan pembawaan sesebuah watak dengan berkesan dan berjaya menyentuh emosi penonton mempengaruhi belia di Malaysia menonton drama-drama Korea. Informan 7 juga menerangkan bahawa kejayaan pelakon Korea dalam pembawaan sesebuah watak adalah kerana latihan yang dilakukan sebelum bermula penggambaran sesebuah drama. Keunikan yang ditonjolkan oleh para pelakon Korea dalam membawa sesebuah watak sehingga meninggalkan impak dan kesan kepada penonton menjadi salah satu punca untuk Informan 3 dan Informan 7 menonton drama Korea.

c. Faktor Penontonan Drama Korea dalam Kalangan Belia di Malaysia: Faktor-Faktor Lain

Lagu Original soundtrack (OST)

Informan 1 memberi pandangan bahawa lagu Original soundtrack (OST) sesebuah drama berperanan dalam menarik penonton untuk menonton sesebuah drama. Hal ini dikatakan kerana jika sesebuah lagu OST itu menarik dan mempunyai vibe yang sepadan dengan drama, drama tersebut akan ditonton oleh orang ramai dan berkemungkinan besar menjadi popular.

Berdasarkan kenyataan Informan 9 pula, lagu OST akan menentukan jika beliau akan menonton sesebuah drama atau tidak. Ujarnya lagi, lagu OST memainkan peranan dalam mempengaruhi seseorang untuk menonton sesebuah drama kerana ia merupakan salah satu tanda jika sesebuah drama itu berbaloi untuk ditonton. Sebagai contoh yang diberikan Informan 9, jika lagu OST sesebuah drama itu dinyanyikan oleh penyanyi wanita seperti Heize atau Gummy, dapat dipastikan bahawa drama tersebut akan mendapat sambutan kerana penyanyi-penynyanyi tersebut dianggap memberi greenlight kepada penonton. Informan 9 menjelaskan kedua-dua penyanyi tersebut hanya akan menyanyikan lagu OST yang terbaik dan sedap didengar. Oleh yang demikian, dapat dipastikan bahawa lagu OST adalah antara faktor lain belia di Malaysia menonton drama Korea.

Budaya

Informan 3 menjelaskan bahawa faktor beliau menonton drama Korea adalah kerana pendedahan budaya Korea yang ditunjukkan dalam drama. Hal itu memberikannya idea tentang budaya dan pantang larang masyarakat di Korea. Informan 8 dan Informan 10 turut memberikan jawapan yang sama dengan menyatakan bahawa pendedahan budaya Korea dalam drama merupakan sesuatu yang menarik untuk penonton sekaligus membuatkan penonton mengetahui kehidupan masyarakat Korea.

Informan 6 berpandangan bahawa pendedahan budaya dalam drama Korea seperti jenis makanan, cara berpakaian atau berfesyen dan kehidupan di Korea telah menarik minat belia di Malaysia untuk menonton drama-drama Korea. Hal ini kerana budaya yang ditunjukkan dalam drama merupakan sesuatu yang lain dan menjadi perkara baharu bagi belia Malaysia.

Secara ringkasnya, pendedahan budaya Korea yang ditunjukkan dalam drama yang meliputi aspek-aspek seperti makanan, pakaian tradisional dan cara pemakaian, adat istiadat dan pantang larang, bahasa, dan sejarah negara Korea telah menyebabkan belia Malaysia tertarik sekali gus menikmati drama Korea. Secara tidak langsung juga, belia Malaysia dapat mengenali budaya Korea dengan lebih baik.

Ilmu Pengetahuan

Informan 4 dan Informan 5 menjelaskan bahawa punca mereka menonton drama Korea adalah kerana ilmu pengetahuan yang dapat diperolehi hasil tontonan drama yang mengisahkan tentang perubatan dan undang-undang. Ujar mereka, dalam drama perubatan contohnya, setiap terma yang disebut akan diberi info di kaca televisyen agar penonton mudah memahami tentang terma tersebut. Begitu juga dengan terma berkaitan undang-undang.

Selain itu, Informan 4 juga menjelaskan bahawa menonton drama Korea menguatkan lagi pemahaman dan pengetahuan yang lebih dalam tentang budaya Korea seperti tradisi masyarakat, kebiasaan, sejarah dan lain-lain. Drama Korea juga sering memperlihatkan perbezaan budaya di antara Korea dan negara lain. Ini dapat memberikan perspektif yang berharga dan berbeza tentang cara orang-orang di Korea berinteraksi, berkomunikasi, dan menjalani kehidupan sehari-hari mereka. Selain itu, drama Korea yang mengangkat dan memaparkan

masalah sosial dan psikologi seperti gangguan mental, pelecehan seksual, dan masalah-masalah sosial yang lain dapat memberikan ilmu kepada penonton dan memperluas pemahaman penonton tentang sesebuah isu. Jelaslah bahawa ilmu-ilmu yang dapat diperolehi ini menjadikan drama-drama Korea menarik untuk ditonton.

Pemandangan yang Cantik

Informan 5 menyatakan bahawa faktor lain untuk penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia adalah sinematografi yang cantik dalam drama Korea. Pemandangan yang memukau mata secara tidak langsung menggambarkan keadaan di Korea dan menyebabkan ramai belia Malaysia semakin tertarik untuk menonton drama-drama Korea.

Informan 9 juga menyokong kenyataan tersebut dengan menambah bahawa sinematografi yang dilihat dalam drama Korea membuatkan penonton tertarik dengan bangunan-bangunan, bandar dan suasana Korea. Produksi drama Korea sememangnya mementingkan sinematografi yang cantik dengan menonjolkan penggunaan warna dan pencahayaan yang dramatik. Warna-warna kontras digunakan untuk menciptakan suasana yang tepat dan menggambarkan emosi yang sedang dialami oleh watak dalam sesebuah adegan.

Sinematografi dalam drama Korea juga mementingkan set dan kostum dengan terperinci. Set yang dibina dan kostum yang dipilih dengan cermat membantu menciptakan suasana yang betul bagi sesebuah babak. Setiap elemen visual dianggap penting untuk pihak produksi Korea agar keselarasan dengan cerita yang sedang dipertontonkan mampu menarik belia Malaysia untuk menonton dan secara tidak langsung untuk melawat Korea Selatan.

Kesimpulan

Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat dan meneroka faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, dapat disimpulkan bahawa terdapat sebab-sebab yang tertentu yang dilihat sebagai punca golongan belia di Malaysia memilih menonton drama Korea berbanding drama tempatan. Melalui kajian yang dijalankan secara mendalam ini, terdapat beberapa faktor yang berjaya dikenal pasti yang membuatkan belia di Malaysia menonton drama-drama terbitan negara Korea Selatan.

Melihat kepada faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia selepas kajian dilakukan, skrip dan pemilihan pelakon merupakan faktor utama yang dapat dikenal pasti sebagai punca belia di Malaysia menonton drama Korea. Dua faktor tersebut juga merupakan merupakan elemen penting dalam penghasilan sesebuah karya. Skrip yang dihasilkan dengan teliti dan pemilihan pelakon yang betul menjadi penanda aras bagi menghasilkan drama yang berkualiti. Selain dua faktor utama tersebut, terdapat juga faktor-faktor lain yang membuatkan golongan belia Malaysia menonton drama Korea. Antara faktor-faktor lain tersebut adalah lagu OST, budaya yang ditunjukkan, ilmu pengetahuan yang dapat diperolehi dan pemandangan dalam drama yang memukau mata penonton. Melihat kepada faktor-faktor tersebut, dapat disimpulkan bahawa pembikin drama Korea atau orang-orang dalam industri hiburan Korea sememangnya berusaha untuk menunjukkan kekuatan drama Korea sekali gus ingin menarik penonton drama global untuk menonton drama-drama Korea yang dihasilkan.

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan, faktor-faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia yang diperolehi hasil temu bual dengan 10 orang informan dilihat sebagai kelebihan yang ada di industri hiburan Korea Selatan yang boleh diambil sebagai panduan untuk mengembang dan meningkatkan kualiti drama-drama tempatan. Drama bersiri Korea sememangnya menjadi kegilaan masyarakat pada masa kini terutama bagi mereka yang bergelar belia. Drama-drama Korea yang dihasilkan sangat berbeza dengan drama-drama tempatan. Jalan cerita yang menarik, kepelbagaiannya genre, lakonan mantap dan keunikan budaya yang ditonjolkan berjaya menarik minat belia tempatan untuk menonton dan memilih drama Korea sebagai hiburan utama berbanding dengan drama tempatan. Bukan sekadar hiburan, drama Korea juga mengandungi banyak nilai-nilai moral, maklumat dan pengajaran yang dapat diambil oleh para penonton. Hal tersebut sangat berbeza dengan drama ciptaan anak tempatan.

Selanjutnya, kajian ini juga mencadangkan pihak produksi drama Malaysia agar mengambil berat terhadap naskah atau karya yang ingin dihasilkan. Pihak produksi drama tempatan perlu belajar dan melihat industri drama Korea sebagai salah satu panduan ketika menghasilkan sesebuah drama. Penelitian dan kajian yang betul yang dilakukan oleh pihak produksi Korea telah membantu mereka menghasilkan drama-drama yang berkualiti. Hal tersebut perlu diaplikasikan oleh industri drama Malaysia. Para pembikin drama tempatan juga digalakkan untuk berhenti menghasilkan drama-drama yang cliché dan mula membawa isu sebenar dalam dunia realiti seperitimana yang dilakukan oleh

produksi drama Korea. Membawa isu realiti kehidupan dalam sesebuah drama pastinya akan menarik rakyat tempatan khususnya golongan belia untuk memberi sokongan terhadap drama tempatan. Ringkasnya, pihak produksi drama perlu melakukan banyak penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti drama tempatan.

Rujukan

- Amree Ahmad. (30 April, 2021). Syok sendiri punca drama Malaysia gagal. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/04/syok-sendiri-punca-drama-malaysia-gagal/>
- Azizah Hamzah. (2004). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya: Qualitative methods in sociocultural research. Jurnal Pengajian Media Malaysia, 6(1), 1-10. <https://sare.um.edu.my/index.php/JPMM/article/view/32755/13707>
- BERNAMA. (2023, November 23). Had umur 30 Tahun belia berkuat kuasa 1 Januari 2026. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1033444/had-umur-30-tahun-belia-berkuat-kuasa-1-januari-2026>
- Burhan Nuryantoro. (2004). Sastra anak: Persoalan genre. Jurnal Humaniora, 16(2), 107-122. <https://doi.org/10.22146/jh.811>
- Creswell, J. W. (1998). Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches. SAGE publications. https://www.academia.edu/57201640/Creswell_J_W_2014_Research_Design_Qualitative_Quantitative_and_Mixed_Methods_Approaches_4th_ed_Thousands_Oaks_CA_Sage
- Danisyah Dalily. (1 November, 2021). Membongkar daya tarikan budaya pop Korea Selatan. Malaysia Now. <https://www.malaysianow.com/my/news/2021/11/01/membongkar-daya-tarikan-budaya-pop-korea-selatan>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatitif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri, 1(1), 28-29. https://www.researchgate.net/publication/337529998_Pendekatan_kualitatifUntuk_memahami_kualiti_hidup_masyarakat_Orang_Aslidi_Pahang.

Kim, E. M., & Ryoo, J. (2007). South Korean culture goes global: K-Pop and the Korean wave. *Korean Social Science Journal*, 34(1), 117-147.

Latiffah Pawanteh, Rahim Samsudin, & Fauziah Ahmad. (2009). Media consumption among young adults: A look at labels and norms in everyday life. *Malaysian Journal of Communication*, 25(1), 21-31. http://jurnalarticle.ukm.my/4315/1/V24_2.pdf

Lee, H. (28 April, 2022). 5 Alasan Kenapa drama Korea begitu diminati banyak orang. Idn Times. <https://www.idntimes.com/korea/kdrama/sahrul-5/alasan-kenapa-drama-korea-begitu-diminati-banyak-orang-c1c2-1?page=all>

Md Azalanshah Md Syed. (2019). K-pop, aspirasi kemodenan dan ketidakpatuhan strategik K-pop. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 103-122. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3502-07>

Millah Minyun Gaza. (11 Disember, 2019). 9 K-Pop influencer Indonesia ini nambah wawasan budaya populer Korea. Brilio Net. <https://www.brilio.net/creator/9-k-pop-influencer-indonesia-ini-nambah-wawasan-budaya-populer-korea-a396ec.html>

Nizila Asin. (2007). Pendekatan Pelakon Dalam Lontaran Vokal Dan Ekspresi Wajah Watak Lakonan Monolog [Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan, Universiti Malaysia Sarawak]. UNIMAS Institutional Repository.

Nur Izzah Jamil., & Yoke, S. K. (2022). The influence of K-Drama among Youths: A Malaysian Case Study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 1709-1720. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i1/12111>

Nurul Akqmie Badrul Hisham. (2019). Refleksi penerokaan etnografi peminat gelombang Korea di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 286-304.

Rizki Briandana. (2013). Intercultural response to Korean drama series on part of university students in Indonesia. Universiti Sains Malaysia Institutional Repository, 1(1), 1-13. <http://eprints.usm.my/32062/1/Rizki.pdf>

Sella Ayu Pertiwi. (2013). Konformitas dan fanatisme pada remaja Korean wave. *Psikoborneo: Jurnal Ilmiah Psikologi*, 1(2), 84-90.
<http://dx.doi.org/10.30872/psikoborneo.v1i2.3286>

Siti Nurlisia Nadzri. (9 Februari, 2021). Karya tempatan lebih digemari. Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/02/784498/karya-tempatan-lebih-digemari>

Syd Field. (1990). Lakon layar, asas penulisan skrip. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.